

## DS 3.2: Penyediaan Kemudahan Kesihatan Desa

### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

#### Justifikasi Cadangan:

- Memastikan tahap kesihatan masyarakat desa akan terjaga dan berada dalam keadaan yang baik.
- Menyediakan kemudahan kesihatan yang lengkap bagi memastikan kesihatan dan keperluan masyarakat desa.
- Memberikan pendedahan kesihatan secara menyeluruh kepada masyarakat desa untuk mengamalkan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian.
- Menambah bilangan kemudahan kesihatan di Johor Selatan berdasarkan unjuran yang telah dilakukan.

#### Komponen Cadangan:

- Menaik taraf kemudahan kesihatan untuk memberikan keselesaan penduduk desa.
- Menambahkan bilangan penyediaan kemudahan kesihatan yang dapat membantu masyarakat desa mencapai satu taraf kesihatan yang baik agar dapat meneruskan perjalanan kehidupan ekonomi dan sosial yang lebih produktif.

#### Kaedah Pelaksanaan:

- Program bimbingan kesihatan bersepadu kepada masyarakat desa untuk mempraktikkan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian.
- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam dan swasta.

### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **6 klinik desa** (projek perintis).

Daerah	Kampung Terlibat
Johor Bahru	Klinik Desa Sungai Tiram
	Klinik Desa Ulu Tebrau
	Klinik Desa Ulu Choh
Kulai	Klinik Desa Air Bemban
Kota Tinggi	Klinik Desa Teluk Ramunia
Pontian	Klinik Desa Puteri Menangis

### AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pejabat Daerah</li> <li>• BPEN</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pejabat Daerah</li> <li>• PBT</li> <li>• Kementerian Kesihatan Malaysia</li> </ul>

### ANGGARAN KOS

- Kos Program Kesihatan = RM 50 ribu (per cadangan Program Kesihatan)

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 300,000**

### FASA PELAKSANAAN



## Program Komuniti Sihat

Program kesihatan di desa sangat berperanan dalam meningkatkan kesedaran rakyat mengenai kesihatan dan kebersihan kawasan kediaman serta kampung.

Program ini juga boleh dijalankan dengan beberapa aktiviti lain seperti gotong-royong dan lain-lain lagi dengan kerjasama inisiatif daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, JPKK dan masyarakat desa.

- ❑ Inisiatif 'Komuniti Sihat, Perkasa Negara (KOSPEN)' Kerjasama antara KKM dan KEMAS
- ❑ Pemeriksaan Kesihatan Masyarakat Desa
- ❑ Program Perangi Aedes
- ❑ Program Pemakanan Kurang Zat (PPKZ) Dalam Kalangan Anak Orang Asli Bagi Mengatasi Masalah Kekurangan Nutrisi Makanan.
- ❑ Program Kesedaran Covid-19 Dan Kempen Pembudayaan Norma Baharu




Sumber: Harian Metro, 2019

Program ini melibatkan masyarakat desa secara sukarela untuk menjalani pemeriksaan fizikal, ujian darah, pemeriksaan mata dan tekak, pemeriksaan kandungan kolestrol dan gula dalam badan yang dikendalikan doktor pakar dan kakitangan perubatan.



Foto: Pemeriksaan Kesihatan Masyarakat Desa

Rajah 5.8: Taburan Kemudahan Kesihatan Johor Selatan



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

PETUNJUK:

- Klinik Kesihatan
- Klinik Desa
- Sempadan Fasa 1 (Johor Selatan)
- Sempadan Daerah
- Lebuhraya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- Sempadan Pertumbuhan Bandar (UGB)
- Sempadan Pembendungan Bandar (UCB)